

Oleh : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK
Tempat: INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA, BACHOK, KELANTAN
Tarikh : 05-08-2005
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN RANCANGAN PENSTRUKTURAN
SEMULA INDUSTRI TEMBAKAU (RPSIT)II

YB Datuk Peter Chin Fah Kui , Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

YB Dato' Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri

YB Datuk Annuar Musa, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan

YB Datuk Anifah Haji Aman, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

YB Dato' Dr. Awang Adek Hussin, Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

YB Encik Mohd Zain Ismail, Pengerusi Lembaga Tembakau Negara

YBhg Dr. Michael Dosim Lunjew, Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi

Ketua-ketua Jabatan

Para pemimpin masyarakat

Tan Sri, Dato'-Dato', Dif-dif Jemputan

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan keizinan-Nya dapat saya bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan pada pagi ini untuk Majlis Pelancaran Rancangan Penstrukturan Semula Tembakau (RPSIT) II. Saya juga mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada YB Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan Lembaga Tembakau Negara (LTN) kerana sudi menjemput saya untuk bertemu dan beramah mesra dengan para pekebun kecil tembakau di majlis pada hari ini. Saya berpendapat majlis ini sangat penting kerana ianya menandakan pelancaran Rancangan Penstrukturan Semula Industri Tembakau (RPSIT) II yang saya anggap sebagai tempoh peralihan yang kritikal dalam proses industri ini menghadapi dan mengatasi cabaran-cabaran masa kini dan juga pada masa hadapan.

2. Industri tembakau telah mula dimajukan dengan pesatnya sejak awal tahun 70an semasa pentadbiran Allahyarham ayahanda saya, Tun Hj. Abdul Razak. Ianya bertujuan untuk meningkatkan kedudukan sosio-ekonomi rakyat khususnya bagi kaum bumiputera di negeri-negeri Pantai Timur seperti di Kelantan dan Terengganu yang ramai penduduknya pada waktu itu terdiri daripada para nelayan kecil. Ini adalah akibat ketidaksesuaian tanah bagi tujuan tanaman getah dan kelapa sawit.

Pada masa tersebut juga, permintaan daun tembakau dan produk tembakau di pasaran dunia dan tempatan meningkat dengan kadar tidak kurang daripada 2% setiap tahun. Sehingga tahun 1998, lebih daripada 65% pengeluaran tembakau digunakan (consumed) di negara-negara sedang membangun manakala di negara-negara maju pula penggunaan tembakau dan produknya mulai menurun. Trend yang sama kini turut dialami oleh negara-negara membangun yang lebih maju seperti Malaysia di mana permintaan ke atas tembakau dijangka turut menurun pada tahun-tahun yang akan datang.

3. Faktor-faktor luaran seperti kadar pertumbuhan penduduk dewasa dunia (15 tahun ke atas) dijangka hanya meningkat 0.7% bagi tempoh 2005 hingga 2010 manakala peningkatan tahap kesedaran kesihatan turut menyebabkan tren menurun terhadap permintaan tembakau. Begitu juga dengan peranan teknologi yang menyebabkan penggunaan tembakau yang kurang bagi setiap batang rokok yang dikeluarkan. Teknologi baru juga telah dapat membantu pengilang untuk mengurangkan pembaziran (wastage) sisa daun tembakau. Pada masa yang sama, terdapat perubahan kehendak atau citarasa pengguna yang melibatkan permintaan yang lebih tinggi ke atas "rokok yang lebih ringan (mild) seperti Light, Extra-Light" di mana tembakau yang digunakan lebih ringan bagi setiap batang rokok yang dikeluarkan.

4. Kerajaan sedar bahawa industri tembakau ini juga didapati berdaya maju disebabkan oleh dasar perlindungan yang tinggi oleh kerajaan dari segi penguasaan cukai import, pelaksanaan sistem pasaran tembakau yang terjamin melalui sistem kuota dan penetapan harga tembakau tempatan oleh LTN. Struktur industri yang terkawal dan perkhidmatan LTN secara pakej yang meliputi semua aktiviti dari penyediaan benih sehingga pemasaran membolehkan industri ini berjaya, stabil dan kekal hingga kini. Industri tembakau secara perbandingannya adalah industri yang kecil tetapi penting bagi kawasan luar bandar Negeri Kelantan dan Terengganu yang menyumbang kepada 80% daripada jumlah pengeluaran tembakau negara. Bakinya adalah dari Negeri Kedah, Perlis, Pahang, Melaka, Negeri Sembilan, Johor dan Sabah. Industri ini juga berjaya membangun dan mengusahakan 7,000 hektar (daripada 13,000 hektar tanaman) tanah bris yang merupakan tanah kurang sesuai untuk aktiviti pertanian lain yang terdapat dengan luasnya di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Jika tiada bekalan tempatan, tembakau ini terpaksa diimport dari luar negara yang akan mengakibatkan pengaliran keluar pertukaran mata wang asing tidak kurang daripada RM200 juta setahun.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

5. Pada masa yang sama, kita semua tidak dapat mengelak daripada perkembangan-perkembangan terbaharu dalam dunia tanpa sempadan atau globalisasi serta keperluan untuk menjaga kepentingan kesihatan awam. Ini memerlukan Kerajaan menggubal dasar dan strategi yang menyeluruh terhadap industri ini dengan mengambil kira aspek-aspek sosio-ekonomi, kesihatan, pendapatan cukai kerajaan dan keperluan industri tembakau yang berdaya saing. Bagi maksud ini, satu Kajian mengenai masa depan industri tembakau yang sedang dilaksanakan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dengan harapan agar dapat membantu Kerajaan dalam merangkakan langkah-langkah yang sesuai untuk pelaksanaannya. Walaupun sejarah pembangunan industri tembakau banyak dipengaruhi oleh faktor sosio-ekonomi, tetapi buat masa kini ianya terpaksa berhadapan dengan dua cabaran utama iaitu memenuhi komitmen Malaysia di bawah Skim Keutamaan Samarata dalam rangka kerjasama ASEAN atau CEPT/AFTA

dan juga proses liberalisasi perdagangan di bawah WTO dan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA). Dalam aspek kawalan tembakau pula, apabila Malaysia menandatangani Framework Convention on Tobacco Control (FCTC), ia merupakan cabaran tambahan. Untuk membantu Kerajaan menghadapi cabaran-cabaran serta memenuhi komitmennya kepada AFTA dan FCTC, pelbagai program telah dirangka dan diterajui pelaksanaannya oleh LTN dan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK).

Para hadirin sekalian,

6. Antara program yang telah dirangka oleh LTN dan KPPK ialah Rancangan Penstrukturan Semula Industri Tembakau (RPSIT) yang digubal bersama industri ala persyarikatan Malaysia pada tahun 1998 yang bertujuan meningkatkan daya saing dalam menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi pasaran melalui peningkatan kecekapan produktiviti dan mutu pengeluaran serta pengurangan kos. Fasa 1 Rancangan ini yang tamat pada tahun 2004 menumpukan kepada perubahan sistem pengeluaran, pembangunan prasarana dan pemantapan perkhidmatan sokongan. Impak utama pelaksanaan Fasa 1 Rancangan ini ialah wujudnya lebih kurang 2,800 orang penanam pengawet individu (PPI) dan 70 penanam pengawet besar (PBB), di mana integrasi fungsi penanaman dengan pengawetan telah meningkatkan kecekapan serta mengurangkan kos pengeluaran. Selain itu, kerajaan juga telah meluluskan penyediaan sistem pengairan dan saluran kekal berjumlah RM32 juta untuk saluran tanaman tembakau dan tanaman integrasi yang melibatkan negeri-negeri di Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

7. Selain daripada itu pada Fasa 2 RPSIT (2005-2009) yang akan dilancarkan pada hari ini, bertujuan untuk menyediakan industri tembakau bagi pasaran tembakau terbuka apabila duti import tembakau Malaysia daripada negara-negara ASEAN lain dikurangkan kepada 5% menjelang tahun 2010 dan pada masa yang sama Kerajaan akan memastikan rakyat yang terlibat dengan industri tembakau tidak terjejas akibat pelaksanaan pasaran terbuka tersebut. Selain daripada penurunan kadar duti import tembakau dan produk tembakau daripada negara-negara ASEAN, pakej penstrukturan Fasa II ini meliputi peruntukan berjumlah RM50 juta untuk Skim Galakan Penstrukturan Pengawet (SGPP) yang dibiayai oleh pengilang rokok yang bertujuan membantu pengawet menstruktur semula sistem pengeluaran serta menyelesaikan pinjaman dengan institusi kewangan. Pengawet tembakau yang tidak mampu menstruktur semula boleh meninggalkan industri dan pekebun kecil tembakau yang terpilih dan produktif akan diberi peluang menggunakan kemudahan stesen pengawetan untuk beroperasi sebagai penanam pengawet secara berkelompok.

8. Bagi pekebun kecil tembakau pula, sejumlah RM20 juta diperuntukkan bagi Program Integrasi Tanaman/Ternakan yang dibiayai oleh pengilang rokok bertujuan membantu pekebun kecil tembakau yang terpinggir untuk mengusahakan tanaman lain seperti kenaf sebagai sumber pendapatan baru. Oleh yang demikian, pembelian daun tembakau hijau (daun belum diawet) di bawah sistem pengawet sekarang akan mula dihentikan pada tahun 2006. Pengawet tembakau kini dikehendaki mengusahakan ladang tembakau mereka sendiri dengan menyediakan kemudahan pengawetan untuk pekebun kecil yang lain mengawet daun tembakau, ataupun mengadakan usaha sama dengan pekebun kecil terlibat untuk mengawet tembakau dan berkongsi nilai tambah hasil daripada pengawetan daun tembakau tersebut.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

9. Kerajaan juga sedar bahawa penstrukturan semula industri tembakau, perubahan ke arah pasaran bebas dan ditambah dengan kesan kawalan tembakau melalui kempen kesedaran kesihatan yang tidak menggalakkan penggunaan tembakau akan mengakibatkan masalah peminggiran (marginalised) pekebun kecil dan menjejaskan kedudukan sosio-ekonomi semua golongan yang terlibat dengan industri tembakau. Untuk meminimalkan kesan peminggiran, pekebun kecil perlu memberi tumpuan kepada penggunaan sumber-sumber dengan lebih cekap bagi melaksanakan aktiviti ekonomi yang lain.

10. Berikutan masalah peminggiran penanam tembakau dan kesan sosio-ekonomi ini serta sementara menunggu hasil kajian MTEN seperti yang telah saya sebutkan tadi, Kerajaan telah mengarahkan LTN mengambil inisiatif bagi membangunkan dan mempelbagaikan program tanaman integrasi untuk membantu pekebun kecil tembakau menanam tanaman-tanaman lain selain tembakau. Bagi merealisasikan perkara ini, LTN dengan kerjasama agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menyediakan pelan tindakan tanaman integrasi yang mana sejumlah RM25 juta telah diluluskan oleh Kerajaan bagi membiayai program ini dengan tumpuan lebih diberikan kepada pembangunan tanaman makanan dan ternakan. Selain daripada itu, sumbangan tambahan sebanyak RM20 juta daripada pengilang rokok akan digunakan untuk membantu pekebun kecil tembakau mempelbagai, mengintegrasikan, memproses, menerokai pasaran baru dan memajukan tanaman-tanaman industri lain seperti kenaf dan sebagainya. Sebenarnya langkah ini telah turut terdahulu dilaksanakan di negara-negara pengeluar tembakau lain seperti di Amerika Syarikat, Kanada, Brazil, India, Kenya dan Zimbabwe. Kita berharap pelaksanaan program ini dapat membantu pekebun kecil tembakau untuk mempelbagaikan tanaman dan ternakan yang boleh memberi pendapatan dan keuntungan kepada golongan sasaran ini.

11. Saya yakin bahawa kesan-kesan peminggiran ini Insya-Allah akan dapat ditangani dengan lebih berjaya sekiranya mekanisma socio-economic safety net dalam bentuk bantuan atau insentif mesra AFTA dan WTO untuk membantu golongan-golongan yang terjejas akibat penstrukturan semula industri tembakau dan program-program kawalan tembakau dapat dilaksanakan. Dalam hubungan ini, hasil kajian MTEN yang dijangka siap pada hujung bulan ini dipercayai dapat memperakukan kepada kerajaan langkah-langkah dan mekanisma-mekanisma yang terperinci untuk dilaksanakan bagi menangani isu-isu dalam industri tembakau di negara ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

12. Pihak Kerajaan juga mengucapkan terima kasih kepada pengilang rokok kerana memenuhi tanggungjawab sosial dan membantu LTN dengan membiayai sebahagian program dalam pakej penstrukturan semula untuk memenuhi komitmen di bawah AFTA/WTO dan juga FCTC. Pihak pengilang juga melibatkan diri dalam rantaian bekalan untuk memastikan integriti dan traceability hasil daun tembakau. Ini bermakna peranan pengilang rokok dalam rantaian bekalan ini juga harus dipantau dan dikawal selia oleh LTN, bukan sahaja untuk menjamin kestabilan industri serta mengurus perubahan (manage change), tetapi juga untuk memastikan aspek ekuiti dan sosio-ekonomi diimbangi dengan pertimbangan kecekapan sehingga tanaman alternatif yang setanding dengan tembakau dapat dimajukan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

13. Saya difahamkan bahawa pada tahun 2005 terdapat lebih pengeluaran tembakau terutamanya di Negeri Kelantan disebabkan keengganan untuk mengurangkan keluasan kawasan tanaman berikutan daripada pengurangan kuota pada tahun berkenaan. Saya telah mengarahkan KPPK dan LTN untuk mengambil tindakan proaktif bagi memastikan lebih pengeluaran tembakau ini dapat dipasarkan dengan syarat dan prosedur tertentu bagi memastikan perkara seperti ini tidak berulang pada masa hadapan. Dalam hubungan ini, pengusaha-pengusaha tembakau perlulah mengamalkan disiplin diri yang kuat untuk memastikan pengeluaran tidak melebihi kuota yang ditetapkan kerana lebih ini akan menyebabkan masalah pemasaran terutamanya dalam keadaan permintaan yang berkurangan yang akhirnya boleh menyebabkan kerugian kepada pekebun kecil.

14. Bagi pengawet yang akan menikmati bayaran Skim Galakan Penstrukturan Pengawet, saya harap ia dapat digunakan untuk menyelesaikan pinjaman bank serta menstruktur semula perniagaan kearah sistem penanam pengawet secara koperasi atau usaha sama dengan pekebun kecil tembakau sedia ada agar memberi peluang kepada mereka untuk terus menanam tembakau. Kepada pekebun-pekebun kecil tembakau, saya berharap tuan-tuan dapat merebut peluang daripada Program Integrasi Tanaman/Ternakan LTN untuk menceburi dalam bidang pertanian dan ekonomi lain. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada warga tembakau yang anak masing-masing berjaya ke universiti dan mendapat sedikit bantuan kewangan daripada Tabung Kebajikan Industri Tembakau LTN serta Yayasan British American Tobacco (BAT). Semoga anak-anak muda yang lahir daripada kalangan warga tembakau ini berjaya dan berbakti kepada ibu bapa, masyarakat dan negara apabila menjadi graduan nanti.

15. Akhir kata saya berdoa kepada Allah SWT dan berharap LTN dengan kerjasama semua pihak yang terlibat dengan industri tembakau akan terus memainkan peranan penting dalam usaha menyesuaikan industri tembakau dengan halatuju baru di samping memainkan peranan dalam melaksanakan langkah-langkah yang bakal diputuskan oleh Kerajaan berikutan daripada hasil kajian MTEN kelak. Dengan ini, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim melancarkan Rancangan Penstrukturan Semula Industri Tembakau Fasa II.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum, Warahmatullahi Wabarakatuh.